

21 FEB 1997

SLanka-Perdagangan

PELUANG LUAS BAGI PELABURAN MALAYSIA DI SRI LANKA

Oleh: Nasir Yusof

COLOMBO, 21 Feb (Bernama) -- Malaysia yang kini menduduki tangga keempat dalam jumlah pelaburan asing terbesar di Sri Lanka berjumlah RM300 juta setakat ini, mempunyai peluang yang luas untuk meningkatkan pelaburan di negara ini berikutan perhatian khas yang diberikan oleh kerajaan Colombo.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini, Encik Shamsudin Abdullah, berkata kerajaan Sri Lanka, yang mengkagumi Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuka peluang seluas-luasnya kepada pelabur Malaysia.

"Perhatian khusus diberikan oleh Presiden Kumaratunga kepada pelabur Malaysia...mereka berminat mencotohi Malaysia dalam banyak bidang," katanya pada persidangan berita di kediaman beliau di Rumah Malaysia di sini, malam tadi.

Katanya, peluang yang luas terbuka bagi pelabur Malaysia dalam banyak bidang terutama pembuatan yang memerlukan tenaga buruh yang banyak dan murah, bidang kewangan dan perbankan, prasarana, tekstil dan pengilangan barangan siap.

Beliau berkata antara langkah segera yang akan dilaksanakan termasuklah mengadakan misi galakan pelaburan Sri Lanka ke Kuala Lumpur April ini bagi menerangkan peluang-peluang dalam pelbagai bidang industri yang boleh diceburi pelabur Malaysia di sini.

Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini juga sedang merancang mengadakan ekspo perdagangan Malaysia di sini, yang setakat ini telah menarik minat lebih 20 buah syarikat Malaysia, yang juga mampu menemukan mereka dengan bakal rakan usaha sama.

Shamsudin berkata selain kelebihan dari segi kos tenaga kerja yang murah, Sri Lanka juga mempunyai kadar celik huruf yang tinggi dan sedang berusaha menyediakan prasarana yang perlu di samping mewujudkan suasana pelaburan yang baik.

"Memang tidak dinafikan terdapat masalah dalaman di negara ini termasuk masalah etnik tetapi ia merupakan satu risiko yang perlu diambil oleh pelabur jika mereka tidak mahu ketinggalan di masa depan," katanya.

Beliau berkata pelabur Malaysia yang berminat boleh datang ke sini untuk meninjau sendiri peluang dan keadaan sebenar terutama dari segi ancaman keselamatan, yang selama ini diperbesar-besarkan oleh media Barat.

Setakat ini terdapat 12 syarikat Malaysia menjalankan operasi di Colombo dengan bersaing secara sihat dengan syarikat-syarikat asing yang lain seperti dari Korea Selatan, Jepun dan Australia.

Katanya, antara pelabur utama Malaysia ialah tokoh usahawan Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah yang mempunyai kepentingan dalam tiga buah hotel bertaraf lima bintang di Colombo, Kumpulan Melewar, Sapura, Berjaya Group dan Antah Holdings.

Mengenai jumlah perdagangan dua hala Malaysia-Sri Lanka, beliau berkata jumlah RM423 juta yang dicatatkan pada tahun 1994 telah meningkat sebanyak 28 peratus menjadi RM541 juta pada tahun 1995 dan bagi tempoh Januari-September 1996 sebanyak RM334 juta.

"Dari jumlah terbaru itu eksport Malaysia berjumlah RM285 juta manakala jumlah import kita dari Sri Lanka ialah sebanyak RM49 juta dalam pelbagai bentuk barangan," katanya.

Selain memindahkan operasi pembuatan yang bercorak intensif buruh ke sini, Malaysia juga boleh menjadikan Sri Lanka sebagai pintu masuk ke

pasaran negara-negara Asia Selatan (SAARC) yang mempunyai lebih 200 juta penduduk.

Shamsudin telah dikunjungi sekumpulan wartawan Malaysia yang mengikuti rombongan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib, yang juga Pengerusi Sekretariat Melayu Antarabangsa (SMA) dalam lawatan ke negara ini.

--BERNAMA

MNY OBA